

## Apa akan berlaku semasa temu duga?

### Ujian Kemampuan

Semasa temu bual dengan pegawai CLAS, anda akan ditanya mengenai pendapatan, simpanan, harta dan aset lain anda. Ini dikenali sebagai Ujian Kemampuan. Anda dikehendaki menunjukkan bukti berkaitan dengan keadaan kewangan anda.

### Ujian Merit

CLAS akan membuat keputusan sama ada kami akan memberikan seorang peguam untuk membantu kes anda (“Ujian Merit”). Untuk menentukan ini, seorang peguam (dipanggil sebagai “Lead Lawyer”) akan menyoal anda



mengenai kes anda. Lead Lawyer akan memberi nasihat awal dari sudut undang-undang dan juga nasihat awal tentang prosedur seterusnya berkenaan dengan perkara anda.

Maklumat yang anda berikan kepada Lead Lawyer mestilah benar. Jika tidak, permohonan anda mungkin ditolak, dan laporan polis boleh dibuat terhadap anda kerana membuat kenyataan palsu. Anda juga mungkin tidak akan dibenarkan untuk mendapatkan bantuan pada masa hadapan.

## Apa akan berlaku selepas permohonan saya diterima?

CLAS akan menugaskan seorang peguam sukarela untuk mengendalikan kes anda. Anda akan dimaklumkan tentang butiran peguam secara bertulis. Anda akan menjadi pelanggannya.

Anda dikehendaki berkerjasama dengan peguam yang telah ditugaskan kepada anda dan menghadiri semua temu janji apabila diminta berbuat demikian. Jika anda gagal untuk berbuat demikian atau mematuhi nasihatnya, peguam anda boleh memohon kepada Mahkamah untuk menghentikan perkhidmatannya.

## Bilakah bantuan CLAS berakhir?

Bantuan CLAS berakhir sama ada kes anda tamat atau CLAS menarik balik bantuan tersebut atau anda membuat keputusan untuk meneruskan kes anda tanpa bantuan CLAS.

## Bolehkah saya merayu sekiranya permohonan saya ditolak?

Anda boleh membuat rayuan untuk menyemak semula keputusan sama ada melalui:

- E-mel kepada CLAS di [CLAS@lawsoc.org.sg](mailto:CLAS@lawsoc.org.sg), dengan nombor rujukan permohonan anda, nama dan No. kad pengenalan/FIN; atau dengan
- Mengemukakan rayuan anda secara bertulis kepada CLAS.

Sila nyatakan alasan anda dengan sepenuhnya untuk rayuan anda.

## Hubungi Kami

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami pada waktu pejabat di **6534 1564** atau melalui faks kepada kami di: **6534 5237**.

Anda juga boleh menghantar e-mel kepada kami di: [CLAS@lawsoc.org.sg](mailto:CLAS@lawsoc.org.sg)

Laman Web: [probono.lawsociety.org.sg](http://probono.lawsociety.org.sg)

## Penafian:

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini hanya merupakan maklumat umum dan asas mengenai CLAS tepat pada Mac 2016.

Maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini telah disediakan sebagai perkhidmatan awam oleh Skim Bantuan Guaman Jenayah. Ia diterbitkan dari sumber-sumber yang dipercayai dan tepat. Walau bagaimanapun, Persatuan Undang-undang Singapura atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk kesilapan atau ketinggalan dalam dokumen ini.

### Skim Bantuan Guaman Jenayah

Mahkamah Persekutuan

Tingkat 5

(Pejabat bersebelahan dengan Mahkamah No. 5)

1 Havelock Square

Singapura 059724

Tel: 6534 1564

Fax: 6534 5237

[probono.lawsociety.org.sg](http://probono.lawsociety.org.sg)

Hak Cipta 2016



## Perlukan Bantuan Guaman?

# Skim Bantuan Guaman Jenayah

## Apakah itu CLAS?

Skim Bantuan Guaman Jenayah (CLAS) telah ditubuhkan pada September 1985 sebagai projek yang dikendalikan oleh Persatuan Undang-undang Singapura. Ia ditadbir oleh Persatuan Undang-undang Singapura bersama dengan kakitangan sepenuh masa yang berdedikasi, serta sokongan dari orang awam, profesion guaman, Kementerian Undang-undang dan penderma-penderma lain.

CLAS memenuhi salah satu tujuan Persatuan Undang-undang, iaitu untuk memberi bantuan guaman jenayah kepada golongan miskin dan mereka yang menghadapi penalti yang tidak membawa kepada hukuman gantung.

CLAS adalah berbeza dari Biro Bantuan Guaman yang dikendalikan oleh kerajaan. Biro memberikan bantuan guaman dan nasihat mengenai kes sivil tetapi tidak meliputi kes jenayah.

## Apakah jenis kesalahan yang dirangkumi oleh CLAS?

CLAS merangkumi kesalahan di bawah peraturan-peraturan berikut:

1. Akta Senjata & Bahan Letupan (Bab 13)
2. Akta Kesalahan Senjata (Bab 14)
3. Akta Penyalahgunaan Komputer dan Keselamatan Siber (Bab 50A)
4. Akta Bahan Melecur & Letupan & Senjata Merbahaya (Bab 65)
5. Akta Bunga Api Berbahaya (Bab 72)
6. Akta Kerahan (Bab 93)
7. Akta Bahan-bahan Letupan (Bab 100)
8. Akta Filem (Bab 107)
9. Akta Berbagai Kesalahan (Ketenteraman dan Gangguan Awam) (Bab 184)
10. Akta Penyalahgunaan Dadah (Bab 185)
11. Akta Pemberi Pinjam Wang (Bab 188) [Seksyen 14 & 28]
12. Kanun Keseksaan (Bab 224)
13. Akta Pencegahan Rasuah (Bab 241)
14. Akta Penerbitan yang Tidak Diingini (Bab 338)
15. Akta Vandalisme (Bab 341)
16. Piagam Wanita (Bab 353) [Seksyen 65(8) dan 140(1)(i)]  
[Seksyen 65(8) – Mana-mana orang yang sengaja melanggar perintah perlindungan]  
[Seksyen 140(1)(i) – Mempunyai hubungan karnal dengan perempuan berumur di bawah 16 tahun.]

Jika anda menghadapi tuduhan yang boleh membawa kepada hukuman mati, sila mohon bantuan dari Skim Bantuan Guaman untuk Kesalahan Kapital ("LASCO"), yang ditadbir oleh Mahkamah Tinggi.

## Siapa yang layak membuat permohonan CLAS?

Sesiapa yang berada di Singapura (termasuk warga asing) yang telah dituduh di Mahkamah kerana kesalahan dari salah satu undang-undang di atas boleh memohon untuk bantuan guaman jenayah, dengan syarat anda tidak mampu untuk membayar seorang peguam untuk membantu anda. Anda perlu memaklumkan kepada Mahkamah tentang niat anda untuk mencari seorang peguam.

## Bagaimana caranya untuk memohon bantuan CLAS?

Anda perlu memohon sendiri di Pusat Perkhidmatan Pro Bono yang terletak di:

Mahkamah Persekutuan, Tingkat 5  
(pejabat bersebelahan Mahkamah No. 5)  
1 Havelock Square  
Singapura 059724

## Adakah saya layak untuk mendapatkan bantuan CLAS?

CLAS memberikan bantuan guaman jenayah kepada golongan miskin dan golongan yang memerlukan tetapi tidak mampu untuk membayar seorang peguam.

Pemohon perlu lulus Ujian Kemampuan dan Ujian Merit supaya layak untuk mendapatkan bantuan guaman.

## Adakah CLAS percuma?

Peguam sukarela anda tidak akan mengenakan bayaran untuk perkhidmatannya jika bantuan diberikan. Namun, peguam mungkin akan meminta anda untuk membayar perbelanjaan luar jangka seperti kos untuk mendapatkan kenyataan polis, laporan dan pengangkutan.

Bergantung juga kepada keputusan Ujian Kemampuan anda, anda mungkin diperlukan untuk membayar CLAS sebelum anda diberikan seorang peguam. Anda akan dimaklumkan tentang jumlah bayaran tersebut, jika anda perlu membuat pembayaran.

## Ujian Kemampuan

Berdasarkan Ujian Kemampuan, orang yang mempunyai pendapatan yang boleh dibelanjakan tidak melebihi \$10,000 setahun dan mempunyai modal yang boleh dibelanjakan tidak melebihi \$10,000 akan diberi bantuan guaman.

"Pendapatan Yang Boleh Dibelanjakan" adalah pendapatan anda bersama dengan pendapatan (jika ada) pasangan anda, selama 12 bulan sejeurus sebelum tarikh permohonan, selepas pemotongan:

- (a) \$6,000 untuk pemohon;
- (b) \$6,000 untuk pasangan yang bekerja;
- (c) Sehingga \$6,000 bagi setiap tanggungan;
- (d) Jumlah yang tidak melebihi \$20,000 bagi sewa (jika ada);
- (e) Sumbangan pemohon kepada Pusat Kumpulan Wang Simpanan Pusat ("CPF"); dan
- (f) Sumbangan pasangan pemohon kepada CPF.

"Modal Yang Boleh Dibelanjakan" adalah harta anda, melainkan:

- (a) Pakaian anda;
- (b) Peralatan tugas anda;
- (c) Perabot rumah;
- (d) Rumah kediaman anda, tetapi hanya jika ia mempunyai nilai tahunan tidak melebihi \$13,000 atau flat Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB); dan
- (e) Simpanan pemohon tidak melebihi \$30,000, hanya jika anda berumur 60 tahun ke atas.



Maklumat yang anda berikan kepada CLAS mestilah benar. Jika tidak, bantuan anda mungkin ditarik balik, dan laporan polis boleh dibuat kerana memberi kenyataan palsu. Anda juga tidak dibenarkan untuk mendapatkan bantuan pada masa hadapan.

## Apakah waktu operasi pejabat CLAS?

Pejabat CLAS dibuka dari jam 9 pagi hingga 5.45 petang setiap hari Isnin hingga Khamis, dan dari jam 9 pagi hingga 1 tengah hari pada setiap hari Jumaat.

Pejabat kami akan ditutup dari jam 1 hingga 2 petang setiap hari untuk waktu makan tengah hari. Kami tidak beroperasi pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Sila datang awal untuk membuat permohonan anda.

## Apakah dokumen yang harus saya bawa untuk permohonan saya?

Anda harus membawa dokumen berikut:

- (a) Kad Pengenalan/Pasport anda;
- (b) Caj;
- (c) Dokumen kenyataan (atau 'statements') yang dibuat kepada pihak polis sepanjang tempoh siasatan, jika ada;
- (d) Slip tarikh perbicaraan Mahkamah yang terkini;
- (e) Sebarang laporan perubatan atau psikiatrik jika anda mempunyai sebarang keadaan perubatan/psikiatrik; dan
- (f) Sebarang keterangan, gambar atau dokumen lain yang berkenaan dengan kes anda.

Anda juga perlu membawa dokumen-dokumen berikut untuk membantu kami menentukan kemampuan kewangan anda:

- (a) Rekod sumbangan CPF anda untuk 12 bulan yang lalu;
- (b) Notis Taksiran anda yang terkini dari IRAS, slip gaji untuk 12 bulan yang lalu atau surat kontrak pekerjaan jika anda bekerja sendiri atau warga asing;
- (c) Jika anda berumur 22 tahun ke bawah dan belum berumah tangga, dokumen pendapatan ibu bapa yang dinyatakan di atas sebagai dokumen tambahan anda, dan
- (d) Jika anda sudah berkahwin, dokumen pendapatan pasangan anda yang dinyatakan di atas, sebagai dokumen tambahan anda.